TERMA DAN SYARAT KEMPEN KAD DEBIT-i – Istimewa Raya 2022
Dikemaskini pada 1 April 2022

TEMPOH KEMPEN

"**Kempen Kad Debit – Eksklusif untuk Mastercard Debit-i**" ("**Kempen**") Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) ("**HLISB**") ["**Bank**"] bemula pada 18 April 2022 pukul 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada 30 Jun 2022 pukul 23:59:59 jam (11:59 malam) termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**"), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT")

Terma dan syarat Kempen ("**T&Cs**") adalah seperti berikut:

KELAYAKAN KEMPEN

1. Kempen ini terbuka kepada pemegng akaun Individu atau Keempunyaan Tunggal Bank (seperti ditakrif menurut Fasal 2), warga Malaysia dan juga bukan warga Malaysia, termasuk Pelanggan Perbankan Prioriti & Perbankan Persendirian Hong Leong ("Pelanggan").

2. "Pelanggan" bermaksud pemegang akaun individu atau Empunya Tunggal yang telah membuka Akaun Sertaan-i (seperti ditakrif dalam Fasal 3) dan telah memohon Kad Debit-i Bank semasa Tempoh Kempen

3. Akaun Sertaan-i bagi Kempen ini adalah seperti berikut ("Akaun Sertaan-i"):

   a) Hong Leong Basic Current Account-i;
   b) Hong Leong Current Account-i;
   c) Hong Leong Pay&Save Account-i;
   d) Hong Leong Basic Savings Account-i;
   e) Hong Leong Saving Account-i;
   f) Hong Leong Multi-tier Savings Account-i;
   g) Hong Leong Payroll Basic Saving Account-i;
   h) Hong Leong Payroll Saving Account-I,
   i) Hong Leong Payroll Pay&Save Account-i. and/or
   j) Hong Leong 3 in 1 Junior Account-i

4. Golongan Pelanggan berikut TIDAK layak menyertai Kempen:
   a) Pelanggan Bukan Individu termasuk persatuan, pertubuhan, perkongsian, amalan profesional, syarikat dan badan korporat.
   b) Pelanggan yang memiliki Kad Debit-i dan Akaun Semasa atau Simpanan-i ("CASA-") yang tidak berkedudukan baik, tidak aktif, dipautkan kepada akaun ditutup atau, CASA-i yang melanggar mana-mana terma dan syarat pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen;
   c) Pelanggan yang Kad Debit-i mereka tidak sah atau dibatalkan pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen;
   d) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding

kemuflisan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan/atau;

e) Seluruh kakitangan Hong Leong Bank Berhad atau Hong Leong Islamic Bank.

KAEDAH KEMPEN

Kempen Peraduan

5. Hadiah Peraduan ("Hadiah") dan bilangan pemenang ("Pemenang") seperti berikut:

Hadiah	Ganjaran	Bil. Pemenang
Hadiah Utama	**ipad Air (64gb)**	1
Hadiah Kedua	**Fitbit Versa 3**	2
Hadiah Ketiga	**Fon Telinga Wayarles Powerbeats**	2

6. Untuk layak mendapat penyertaan Peraduan, Pelanggan perlu melaksanakan seperti apa yang tertera dalam Jadual 1.

Jadual 1

Transaksi Layak Kad Debit-i	Penyertaan Diperoleh
Membuka mana-mana Akaun Sertaan-i dan memohon Kad Debit -i semasa Tempoh Kempen	1
Satu (1) Transaksi Layak dengan amaun leret minimum sebanyak RM20 di mana-mana kedai peniaga	1

7. Bagi tujuan Fasal 6 di atas, "Transaksi Layak" termasuk yang berikut:
   a) Pembelian runcit yang dilakukan melalui pembelian tempat jual (transaksi kad hadir) di mana-mana saluran runcit yang beroperasi di Malaysia dan ditunaikan dalam Ringgit Malaysia ("RM"); dan
   b) Pembelian runcit yang dilakukan melalui pembelian dalam talian (transaksi kad tidak hadir) di mana-mana laman web e-dagang dalam Ringgit Malaysia ("RM").

8. Transaksi Layak TIDAK TERMASUK yang berikut:
   a) Pembelian runcit yang dilakukan melalui pembelian tempat jual (transaksi kad hadir) di mana-mana saluran runcit yang beroperasi di luar Malaysia;
   b) Pembelian runcit yang dilakukan melalui pembelian dalam talian (transaksi kad tidak hadir) di mana-mana laman web e-dagang ditunaikan dalam mata wang asing lain daripada RM;
   c) Transaksi dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dikhaskan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan, atau menyalahi undang-undang;
   d) Pembayaran fi pengeluaran Kad Debit-i Bank; dan
   e) Apa-apa pembayaran pecahan bermaksud tindakan memecah (membahagi) pembayaran amaun tunggal atau penuh dalam dua (2) atau lebih transaksi serentak dibuat dengan cara pembayaran yang berbeza.

Pemilihan Pemenang dan Pemenuhan Hadiah

9. Proses pemilihan pemenang adalah seperti berikut:

   a) Pelanggan Layak yang memenuhi syarat penyertaan selaras dengan Fasal 6 seperti di atas, akan disenaraipendek untuk menerima Hadiah;

   b) Lima puluh (50) Pelanggan Layak akan dipilih secara rawak apabila berakhir Tempoh Peraduan ("Pelanggan Disenaraipendek")

   c) Setiap Pelanggan Layak berpeluang menenangi satu (1) Hadiah sahaja

10. Pelanggan Disenaraipendek akan dihubungi melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS") oleh penyedia perkhidmatan SMS lantikan HLISB atas dasar usaha terbaik berpandukan nombor telefon terkini yang diberi oleh Pelanggan Disenaraipendek seperti terdapat dalam sistem HLISB SEKALI pada bila-bila masa dalam waktu pejabat (9:00 pagi hingga 5:00 petang) bagi sesi soal jawab ("Q&A") supaya menjawab satu (1) soalan dengan betul dalam tempoh masa yang terpantas. Perkhidmatan SMS bagi Peraduan ini disediakan dan disokong oleh XOX Technology Berhad-199901007872(482772-D), iaitu vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh Bank ("XOX Technology").

11. Pelanggan Disenaraipendek akan terlucut kelayakan daripada menyertai Peraduan ini sekiranya mereka memberi jawapan yang salah dan/atau tidak bertindak menjawab soalan yang dihantar oleh HLISB atau penyedia SMS lantikannya melalui SMS dalam masa satu (1) hari kalendar.

12. Lima (5) Pelanggan Disenaraipendek yang bertindak menjawab SMS dengan memberi jawapan betul dalam format yang betul dalam masa yang terpantas seperti yang diarah dalam SMS yang dihantar oleh HLISB atau penyedia perkhidmatan SMS lantikannya akan dikira pemenang ("Pemenang") untuk menerima Hadiah Peraduan.

13. CASA-i yang dipautkan kepada Kad Debit-i mestilah kekal dibuka, aktif dan sah dengan baki minimum Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) semasa Tempoh Kempen sehingga berakhirnya kempen. Sekiranya CASA-i ditutup atas apa jua sebab sekalipun pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen sehingga berakhirnya Kempen, maka Pelanggan Layak itu akan terlucut kelayakan daripada menerima Hadiah.

14. Pelanggan Disenaraipendek mestilah bertanggungjawab atas segala kos SMS yang ditanggung kerana menyertai Peraduan ini.

15. HLISB tidak boleh dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan atau kelewatan penghantaran atau penerimaan apa-apa SMS kepada atau daripada mana-mana penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang mungkin menyebabkan Pelanggan Disenaraipendek tertinggal daripada menyertai Peraduan.

16. Pengumuman Pemenang dan penghantaran Hadiah adalah seperti berikut ("Pengumuman Pemenang"):

Pemenang	Pengumuman Pemenang	Pemenuhan
Hadiah Peraduan	Dalam masa 60 hari perniagaan selepas berakhirnya Tempoh Kempen	Pemenang akan dihubungi Bank sama ada melalui surat atau panggilan telefon untuk urusan penghantaran hadiah.

17. Pemenang akan diberitahu oleh Bank sama ada melalui surat, panggilan telefon, Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS") atau melalui apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank ("Pemberitahuan Pemenang") atas dasar usaha terbaik berpandukan nombor telefon atau alamat terkini seperti yang terakam dan terpapar dalam sistem dan/atau rekod Bank.

18. Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan berkewajipan memberi butiran nombor telefon dan alamat mereka yang terkini dan tepat kepada Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab /dipertanggungjawabkan sekiranya Bank tidak dapat menghantar / menyampaikan Pemberitahuan Pemenang kerana nombor telefon dan / atau alamat yang diberi oleh Pelanggan tidak tepat / tidak sah, atau SMS tidak dapat dihantar / disampaikan atas apa jua sebab sekalipun. Selain itu, Pengumuman Pemenang (contohnya, Nama dan nombor MyKad/pasport ("ID") terlindung) akan dipaparkan dalam Laman Web HLISB di www.hlisb.com.my/dcirayawinners

19. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan penghantaran dan / atau pemaparan dalam CASA-i Pelanggan Layak tentang langganan berkenaan yang mungkin menyebabkan Pelanggan Layak tertinggal daripada memperoleh penyertaan bagi Peraduan.

20. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank dikecualikan daripada sebarang tanggungjawab dan segala tanggungan berbangkit daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada perincian Hadiah atau sebarang keadaan tak terduga di luar kawalan munasabah Bank dan daripada sebarang tindakan atau keingkaran mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga (jika ada).

21. Pemenang mestilah aktif dan sah, dan mesti tidak melanggar mana-mana terma dan syarat Peraduan ini pada masa Hadiah diberi, jika tidak Hadiah akan dilupuskan mengikut budi bicara HLISB. Dalam hal pelupusan, tiada pilihan penggantian akan ditawarkan.

22. Semua Hadiah adalah atas dasar sebagaimana ada bagi para Pemenang terpilih sahaja. Hadiah tidak boleh dipindah milik ataupun ditukar. HLISB berhak mengganti Hadiah dengan apa-apa barangan lain yang sama nilainya atas budi bicara Bank.

UMUM

23. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan Terpilih:
    a) mengesahkan dan mengaku telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&Cs di dalam ini serta Terma dan Syarat Bank mengenai Kad Debit-i Bank dan/atau CASA-i yang boleh disemak di www.hlisb.com.my ("**Laman Web Bank**");
    b) bersetuju semua rekod transaksi yang dirakamkan oleh sistem Bank bagi tujuan Kempen adalah tepat dan muktamad;
    c) bersetuju keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Transaksi Layak;
    d) bersetuju sebarang penarikbalikan transaksi tidak akan diambil kira dalam memenuhi Transaksi Layak;
    e) bersetuju Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau barangan;
    f) bersetuju mengakses Laman Web Bank dari semasa ke semasa untuk menyemak T&Cs Kempen ini untuk memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&Cs;
    g) memberi keizinan dan kebenaran untuk Bank mendedahkan data peribadi mereka kepada, misalnya nombor telefon kepada vendor pihak ketiga yang sah, iaitu SMX Logistics Sdn Bhd 201501042484 (1167805-D) dan kepada XOX Technology Berhad (482772-D) jika Bank fikir sesuai untuk tujuan penghantaran SMS untuk mempromosi Kempen ini.

24. Bank berhak:
    a) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak daripada menyertai Kempen ini. Terutamanya, mana-mana Pelanggan Layak yang telah melakukan Transaksi Layak dengan cara atau ragam yang dianggap oleh Bank tidak normal, tidak teratur dan/atau membayangkan suatu percubaan untuk meraih kelebihan tak adil atas Pelanggan Layak yang lain; dan
    b) melupuskan Hadiah jika berlaku penarikbalikan Transaksi Layak, jika berkenaan, atau penamatan Kad Debit-i semasa Tempoh Kempen dan/atau pada masa Hadiah diberi atau tidak patuh kepada T&Cs di dalam ini;
    c) menambah, menggugurkan atau meminda T&Cs di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen ini, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank, untuk memberi notis awal kepada Pelanggan Layak.

25. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemprosesan transaksi jualan oleh MyDebit/ Mastercard, organisasi Peniaga, atau mana-mana pihak yang mungkin menyebabkan Pelanggan Layak tertinggal daripada menyertai Kempen ini.

26. T&Cs di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.

27. Di samping terma yang disyaratkan di atas ini, Pelanggan Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat Bank mengenai Kad Debit-i dan/atau CASA-i mestilah dibaca

bersama-sama dengan T&Cs di dalam ini sebagai suatu perjanjian keselurhan. Apa-apa percanggahan antara T&Cs ini dengan Terma dan Syarat Bank, maka terma tertentu di dalam T&Cs ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.

28. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&Cs ini berbanding dengan bahan-bahan pengiklanan promosi, publisiti dan bahan-bahan laini berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka terma dan syarat muktamad seperti dalam Laman Web Bank hendaklah diutamakan.

29. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, dan begitu juga sebaliknya.

Akaun Semasa dan Simpanan-i adalah akaun deposit berlandaskan prinsip Syariah iaitu Tawarruq dan dilindungi Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM250,000 bagi setiap pendepsoit.